



23 Mac 2016
23 March 2016
P.U. (A) 69

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH UMUR PERSARAAN MINIMUM
(PENGECCUALIAN) 2016

*MINIMUM RETIREMENT AGE
(EXEMPTION) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

PERINTAH UMUR PERSARAAN MINIMUM (PENGECUALIAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 18 Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Umur Persaraan Minimum (Pengecualian) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan majikan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual dengan nombor pendaftaran yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual daripada semua peruntukan Akta berhubung dengan seseorang yang—

(a) diambil kerja untuk suatu kontrak perkhidmatan bertempoh tetap yang melebihi dua puluh empat bulan termasuklah untuk apa-apa penganjutan kontrak itu bagi apa-apa tempoh; dan

(b) ditugaskan bagi projek berskala besar yang nilainya tidak kurang daripada satu bilion ringgit.